

BERITA HARIAN

DATE: 05/09/2007

PM mahu rakyat tambah nilai diri demi kemajuan

Modal insan, minda kelas pertama mudah dicapai jika sedia berubah

Oleh Shamshul Azree Samshir dan Azrina Ahzan

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu rakyat jadikan usaha menambah nilai diri, termasuk dalam pekerjaan dan penghasilan produk, sebagai budaya hidup supaya negara lebih maju dan gemilang pada masa depan.

Perdana Menteri berkata, usaha itu selaras dengan pendekatan pembangunan modal insan dan inisiatif melahirkan minda kelas pertama yang ditekankan kerajaan.

"Jika kita tidak ada usaha untuk menokok tambah nilai pada diri, kemajuan pada diri, ilmu pada diri, maka kita akan sampai kepada suatu masa semuanya jadi jumud, semuanya tak boleh maju lagi... ia akan mati begitu saja.

"Maka kejumudan ini akan menyebabkan sesuatu peradaban lama-lama akan jadi hancur dan roboh," katanya pada sidang media selepas merasmikan Dialog Pembangunan Daerah 2007 serta Sistem e-Merah dan portal I Cerve U di Pusat Kon-

vensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyampaikan watakah dan logo 'I Cerve U' kepada ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta wakil Pusat Info Desa.

Sistem e-Merah adalah pangkalan data profil daerah, manakala portal 'I Cerve U' adalah gerbang maklumat bagi capaian informasi daerah serta jaringan perkhidmatan online kerajaan dan swasta. Kedua-duanya dibangunkan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) khusus bagi membantu masyarakat luar bandar.

“Usaha tambah nilai diri merangkumi teras Misi Nasional untuk memacu kemajuan negara”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Perdana Menteri berkata, usaha menambah nilai diri merangkumi teras Misi Nasional untuk memacu kemajuan negara.

Abdullah berkata, usaha meningkatkan pencapaian modal insan juga perlu dilakukan berterusan dan menjangkau 2020.

"Sebab ini suatu keperluan, ia mesti ada pada suatu bangsa yang ingin terus meningkat maju," katanya.

Abdullah memberi contoh, industri batik diberi nafas baru oleh Allahyarham isterinya, Datin Seri Endon Mahmood, dengan menambah nilai produk kraf tradisional itu sehingga terkenal di seluruh dunia.

"Usaha mempromosi batik membawa kepada menambah nilai... bawa bersama pereka ternama, dapat mereka bekerjasama mengambil bahagian dan gunakan kain yang lebih tinggi nilainya.

"Kini batik diterima pada peringkat antarabangsa sebagai satu produk Malaysia dan nilainya tinggi," katanya.

Abdullah berkata, Allahyarham Endon juga melakukan perkara sama

terhadap songket dan seni kraf itu kini mendapat perhatian Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah.

"Jadikanlah tambah nilai ini sebagai satu budaya kita, tambah nilai pada diri, tambah nilai kepada hasil kerja, tambah nilai kepada barang yang dihasilkan. Saya percaya kita akan menjadi lebih maju lagi pada masa depan," katanya.

Terdahulu itu, dalam ucapannya Abdullah berkata, pelaksanaan sistem e-Merah dan portal 'I Cerve U' adalah langkah baik bagi meningkatkan pembangunan negara.

"Dulu Buku Merah, sekarang e-Merah. Ini adalah ICT... ini adalah kerajaan elektronik. Ia kaedah yang membolehkan kita bekerja dengan lebih cepat," katanya.

Abdullah berkata, produk teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terbaru yang diperkenalkan ICU itu akan menggunakan kemudahan internet sedia ada, seperti Pusat Info Desa di setiap daerah.

"Kerajaan menyediakan peruntukan RM2 juta bagi ICU membangunkan kemudahan itu," katanya.